

Bruno Manser dipercayai mati di Borneo

BH 22 DEC 2000

ZURICH, Khamis – Penyokong aktivis alam sekitar Switzerland, Bruno Manser, hari ini berkata, dia dipercayai mati selepas kembali ke Borneo, Mei lalu, untuk meneruskan kempen antipembalakan di hutan hujan wilayah itu.

Polis Malaysia berkata, mereka tidak menemui bukti menunjukkan Manser, yang diusir dari Sarawak tahun lalu dan dilarang memasuki semula negeri itu, berada di bumi Malaysia.

Bagaimanapun, Tabung Bruno Manser (BMF) menegaskan dia menyeberang masuk ke Sarawak dari Kalimantan, wilayah Indonesia di Borneo, sebelum hilang.

"Kami sudah menerima hakikat (kematianannya). Jika Bruno Manser masih hidup, sudah tentu dia ditemui," kata Setiausaha BMF, John Kuenzli.

Masyarakat asli Penan di Sarawak, yang mana Manser pernah bertindak sebagai pejuang hak dan jurucakap mereka, tidak terserempak dengan aktivis berusia 47 tahun itu, katanya.

Julai lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyifatkan Manser sebagai seorang fanatik yang mempunyai agenda tersembunyi.

Sejak sekian lama Manser disifatkan sebagai 'duri dalam daging' bagi industri pembalakan tempatan.

Kuenzli berkata, gerakan kini bertumpu kepada usaha mencari peralatan Manser. "Kami mahukan pengesahan lebih daripada segala-galanya".

"Jika Manser mengalami kemalangan, mayatnya tidak mungkin ditemui selepas berbulan-bulan dalam hutan hujan," kata Kuenzli. – Reuters